

15 NOV 2000

APEC-DEKLARASI

KERANGKA KEWANGAN GLOBAL AKAN DIBINCANGKAN DALAM DEKLARASI

Oleh: S.Durga Varma

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Nov (Bernama) -- Satu kerangka baru kewangan global, satu isu yang memerlukan perhatian segera akibat krisis kewangan serantau, tetapi telah diketepikan daripada perbincangan cergas, dijangka dibincangkan dalam deklarasi Brunei oleh pemimpin-pemimpin forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC).

Sedutan dari Deklarasi Pemimpin-Pemimpin, yang dijangka setebal 40 muka, akan dibacakan oleh Sultan Brunei Darussalam Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada akhir istirahat di Jerudong Park Polo and Country Club di sini esok.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan, antara lain, menyertai Perdana Menteri Jepun, Yoshiro Mori, Presiden Rusia Vladimir Putin dan rakan-rakan sejawatannya dari Asean pada majlis istirahat itu yang bermula pada pukul lapan malam.

Pegawai-pegawai Apec berkata penyeliaan sistem kewangan global perlu dibincangkan untuk membendung kegiatan spekulasi matawang.

Setelah menyedari kerosakan yang boleh dilakukannya kepada ekonomi-ekonomi kecil dan membangun, pemimpin-pemimpin pasti tidak akan mengetepikan isu tersebut, merupakan pendapat umum.

Perkara ini juga merupakan "favourite" bagi Malaysia, yang menerajui usaha penyusunan semula sistem kewangan global.

Presiden Chile, Ricardo Lagos dan Presiden Republik Rakyat China, Jiang Zemin hari ini turut menunjukkan dengan jelas pendirian mereka mengenai isu struktur baru kewangan dunia.

Pada Sidang Kemuncak CEO Apec 2000 petang tadi, kedua-duanya menyebut tentang perlunya diadakan penyeliaan berkesan dan keseragaman rasional bagi pengaliran modal merentasi sempadan.

Lagos menekankan bahawa komuniti perniagaan Apec harus mendesak supaya diadakan satu bentuk kawal selia antarabangsa untuk memantau pengaliran modal kerana pengaliran bebas modal menimbulkan cabaran-cabaran kepada ekonomi-ekonomi kecil.

Katanya forum Apec terus mengetepikan bahaya pengaliran modal jangka pendek yang turun naik dan tidak menyedari betapa perlunya aliran sedemikian dibendung melalui reformasi.

Usaha Malaysia untuk menimbulkan isu mereformasi kerangka kewangan antarabangsa berterusan tanpa mengenal jemu.

Sementara itu, deklarasi tersebut juga dijangka memperkatakan tentang ketidak selarasan yang kian melebar dari segi kekayaan dan pengetahuan serta membawa faedah-faedah globalisasi untuk semua.

Ke arah ini, pemimpin-pemimpin dijangka mengarahkan menteri-menteri perdagangan dalam Apec untuk memperlihatkan kepimpinan dalam forum-forum antarabangsa dengan mengemukakan agenda yang merangkumi kepentingan kedua-dua ekonomi maju dan membangun.

Mereka juga dijangka menggalakkan menteri-menteri kewangan untuk meneruskan usaha mereka dalam pelbagai program termasuk kemajuan kemahiran pegawai selia kewangan dan insurans serta reformasi undang-undang ketaksolvenan dan penzahiran kewangan.

Dalam soal mewujudkan peluang-peluang baru, deklarasi ini juga dijangka mengandungi strategi-strategi yang akan meningkatkan mata pencarian masyarakat melalui penggunaan teknologi.

Menyedari faedah-faedah yang banyak daripada teknologi bagi setiap ekonomi, pemimpin-pemimpin mungkin berikrar untuk memaju dan melaksanakan

rangka kerja dasar yang akan membolehkan setiap orang mendapat maklumat dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Internet menjelang tahun 2010.

Satu program pembinaan keupayaan yang luas bagi memperkukuhkan proses persiapan bagi ekonomi baru akan juga dilancarkan, yang akan merangkumi satu rangkaian bagi meningkatkan pasaran, perdagangan elektronik, prasarana, pengetahuan dan pembangunan kemahiran.

Sementara itu, menteri-menteri akan juga diminta memastikan bahawa sistem Pelan Tindakan Individu (IAP) baru secara elektronik yang dilaksanakan tahun ini akan digunakan dan beroperasi sepenuhnya menjelang tahun depan.

Kalangan perniagaan juga akan digalakkan menggunakan lama web BizAPEC dan Pusat Penjelasan APEC sebagai alat bagi mencari peluang-peluang baru dalam rantau ini dan bagi memudahkan perdagangan dan perniagaan mereka.

Dalam usaha memudahkan aliran barangan dan perkhidmatan dalam rantau ini, prosedur-prosedur dan standard kastam dijangka dipermudah dan diseragamkan.

-- BERNAMA

DVS SD KY MA